

21 FEB 2003

NAM-Israel/I

ISREAL DIGESA TIDAK AMBIL KESEMPATAN DARIPADA KRISIS IRAQ

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Israel tidak sepatutnya mengambil kesempatan dan menjadikan perang yang akan dilancarkan oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq dan usaha memerangi keganasan sebagai alasan untuk meneruskan pendudukan dan melakukan kekejaman ke atas penduduk Palestin.

Menyatakan bahawa kekejaman Israel dalam tempoh beberapa hari ini sahaja telah menyebabkan lebih 30 orang terbunuh, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata : "Ia perlu dihentikan."

Bercakap kepada pemberita Malaysia pada hari kedua Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini hari ini, beliau berkata Israel kelihatan telah mengambil kesempatan daripada keadaan semasa itu.

"Semasa kita membincangkan mengenai Iraq, jangan kita lupa mengenai keganasan dan kekejaman yang dilakukan oleh Israel," katanya.

Ekoran itu, Syed Hamid berkata sebanyak sepuluh Menteri Luar NAM, termasuk rakan sejawatan mereka dari Palestin, Farouk Kaddumi akan mengadakan perjumpaan khas bagi membincangkan isu Palestin.

Mengulas Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan NAM, yang bermula semalam, beliau berkata walaupun mesyuarat pada hari pertama telah berlanjutan sehingga lewat petang, mesyuarat itu berjalan lancar dengan semua perwakilan telah memberikan kerjasama.

Beliau berkata pegawai-pegawai kanan itu perlu menghabiskan mesyuarat mereka malam ini bagi membolehkan mesyuarat menteri-menteri luar esok, dapat memperincikan agenda berkenaan bagi Sidang Kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan pada Isnin dan Selasa.

Syed Hamid menyatakan semalam pegawai-pegawai NAM telah menerima tawaran Cuba untuk mempengerusikan mesyuarat NAM apabila mandat tiga tahun Malaysia sebagai pengerusi NAM tamat.

Kepada satu soalan, Syed Hamid berkata senarai panjang mesyuarat dua hala telah dijadualkan untuk beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai acara sampingan pada mesyuarat NAM ini.

Syed Hamid dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan beberapa rakan sejawatannya, antara lain, Yashwant Singha dari India, Sheikh Dr Mohamad Sabah al-Salam Al-Sabah dari Kuwait, Dr Abullah Abdullah dari Afghanistan dan Mian Khurshid Mahmud dari Pakistan.

Perdana Menteri dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa ketua negara dan kerajaan termasuk Presiden Afrika Selatan Thabo Mvuyelwa Mbeki, Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee, Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, Presiden Pakistan Pervez Musharraf dan Presiden Afghanistan Hamid Karzai.

-- BERNAMA

MAD MFJ RHM